



SEBAHAGIAN warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai salah satu acara sukan dengan berkain sarung pada Hari Keluarga UMP di pekarangan Kompleks Sukan UMP di Kuantan, baru-baru ini.



KANAK-KANAK tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam pelbagai acara sukaneka termasuk berlari sambil membawa bola ping pong dalam sudu pada sambutan Hari Keluarga UMP di Kuantan, baru-baru ini.

UM (Ho) Rabu 6/7/11 msjg

1,000 kakitangan meriahkan Hari Keluarga UMP

KUANTAN 5 Julai - Lebih 1,000 warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeriahkan sambutan Hari Keluarga universiti itu di

pekarangan Kompleks Sukan UMP di sini baru-baru ini. Sambutan anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Staf (BKSS) UMP itu

dimeriahkan dengan aktiviti sukaneka, pertandingan mewarna kanak-kanak dan peraduan pakaian beragam 1Malaysia, boling bola ra-

gbi, lari dalam guni, lari kaki tiga, susun bata, menganyam ketupat dan sambut sayang dan bermain bola jaring dengan berkain sarung.

Program itu dirasmikan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim. Turut hadir Pengerusi BKSS, Mustafa Ibrahim; Tim-

balan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Badrulhisam Abd. Aziz dan Timbalan Pengerusi BKSS, Ir. Zulkeflee Khalidin.